

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan dan kematian akibat kemalangan yang melibatkan penghantar barangan (P-Hailing) pada tahun 2022, 2023 dan sehingga Mei 2024. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecuaian dari kalangan penghantar barangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah penting untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecuaian di kalangan penghantar barangan. Berikut adalah beberapa inisiatif dan langkah-langkah yang diambil:

a) Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 (PKJRM):

Pelan ini menggariskan perancangan inisiatif kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang turut merangkumi penghantar barangan sebagaimana yang dinyatakan dalam perkara berkaitan “Perjalanan Pekerjaan Yang Lebih Selamat untuk mempertingkatkan keselamatan perjalanan pekerjaan bagi sektor ekonomi gig”. Strategi pelaksanaan bagi bidang ini adalah mewujudkan peruntukan perundangan, pelaksanaan, dan penguatkuasaan perkhidmatan serta menggalakkan pelaksanaan amalan sistem pengurusan keselamatan jalan raya dalam sektor ekonomi gig. Setiap strategi pelaksanaan akan dipantau di peringkat kementerian bagi memastikan sasaran utama pelan ini dapat dicapai;

b) Program Pendidikan dan Kesedaran Dengan Kerjasama Penyedia Platform:

Kempen kesedaran keselamatan jalan raya dijalankan secara meluas untuk mendidik penghantar barangan mengenai pentingnya pemanduan berhemah dan keselamatan peribadi. Program di peringkat kebangsaan juga telah dilancarkan secara rasmi oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) pada April 2021 dengan usaha bersama antara agensi kerajaan termasuk MIROS, pihak berkepentingan, dan penyedia platform penghantaran. Ia bertujuan untuk mendidik dan menerapkan tingkah laku penunggang selamat di kalangan penunggang p-hailing. Program-program ini masih dijalankan oleh Jabatan dan agensi di bawah MOT;

c) Latihan dan Kesedaran Keselamatan:

Program latihan khusus untuk penghantar barangan telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh MIROS untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengendalikan kenderaan dengan selamat. Ini termasuk latihan tentang cara menguruskan beban dan asas penunggangan selamat ketika membuat penghantaran. Namun, latihan ini bersifat sukarela dan penyertaan penghantar adalah digalakkan dengan kerjasama pihak penyedia platform;

d) Pelancaran MS 2756:2023 *Road Traffic Safety - Good Practices For Platform Providers in Implementing Work-Related Road Traffic Safety Management*:

Malaysian Standard (MS) ini menyediakan garis panduan untuk amalan baik yang boleh diguna pakai oleh mana-mana penyedia platform dalam sektor pengangkutan termasuk pengendali e-hailing dan p-hailing. MS ini adalah bagi pelaksanaan pengurusan keselamatan trafik jalan raya melalui pendekatan yang sistematik dan fleksibel, pada masa yang sama memastikan penambahbaikan kepada amalan dan sistem secara berterusan. Garis panduan amalan baik ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kematian dan kecederaan serius yang melibatkan pemandu/ penunggang platform. Penyedia platform digalakkan untuk menggunakan sebanyak mungkin amalan baik yang digariskan dalam standard ini;

e) Pelaksanaan Penguatkuasaan Melalui Lesen GDL P-Hailing:

MOT akan memperkenalkan lesen khas untuk penunggang p-hailing. Lesen ini memerlukan penunggang mengikuti kursus teori dan membuat caruman dengan pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) sebelum layak bekerja sebagai penghantar p-hailing. Dengan adanya lesen ini, ia akan memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan lalu lintas terhadap penunggang p-hailing;

f) Sokongan dan Perlindungan Sosial untuk Penunggang:

Dalam hubungan ini MOT melalui pindaan Akta 2023 bagi Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] yang telah disiarkan melalui

warta pada 16 Jun 2023 dan telah dikuatkuasakan pada 15 Oktober 2023 telah mewajibkan supaya pekerja gig di bawah sektor pengangkutan membuat caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang menjadi pra-syarat untuk permohonan baharu dan memperbaharui Lesen Vokasional. Pelaksanaan Skim Perlindungan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) telah diwujudkan oleh PERKESO bagi memberi perlindungan kepada orang berinsurans bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan, termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan termasuklah penghantar p-hailing. Penghantar p-hailing kini diwajibkan untuk mendaftar dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) bagi membantu memastikan mereka dan keluarga mendapat perlindungan sekiranya berlaku kemalangan atau kecelakaan semasa bertugas; dan

g) *Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users (SAFER):*

Merupakan program kesedaran keselamatan jalan raya bersasar yang menumpukan kepada beberapa kumpulan pengguna jalan raya, di antaranya termasuk penunggang dan pembonceng motosikal. Melalui program ini, pelbagai maklumat keselamatan jalan raya disampaikan, merangkumi penyelenggaraan kenderaan sehinggalah kepada tip pemanduan selamat kepada kumpulan sasar ini. Bagi tahun 2023, sebanyak 376 program telah dilaksanakan oleh MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di seluruh negara, manakala sehingga Mei 2024, sebanyak 150 program telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.